



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217 03 – 8870 2253 Faks : 03 – 8888 0579, 03 – 8888 6051 (KP)  
E-mail : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

### **KENYATAAN MEDIA**

*Oleh;*

**YB DATUK SERI NOH BIN OMAR**  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani  
10 Disember 2010 (Jumaat)

## **MAJLIS PENYERAHAN KERBAU NILLI RAVI DARI NEGARA PAKISTAN KEPADA YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

1. Majlis penyerahan kerbau telah diadakan pada 10 Disember 2010 di Stesyen Kuarantin Haiwan, KLIA dari Pakistan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Malaysia. Majlis ini turut menyaksikan TYT Masood Khalid, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan yang mewakili kerajaan Punjab menghadaikan seekor kerbau jantan baka Nilli Ravi kepada YB Datuk Seri Noh Omar, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di majlis tersebut.
2. Dengan penyerahan kerbau tersebut, bermulanya satu kerjasama di antara kerajaan Malaysia dan Pakistan susulan hasil dari lawatan kerja Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ke Pakistan pada Disember 2009 bagi meneliti potensi pasaran produk keluaran tempatan serta kerjasama teknikal di bidang pertanian dengan kedua-dua buah negara tersebut.

3. Baka Nilli Ravi dari negara Pakistan merupakan baka yang mempunyai daya ketahanan tinggi selain dapat menghasilkan susu sejumlah 25-30 liter sehari. Pengimportan pertama kerbau tenusu Nilli Ravi sejumlah 170 ekor dari kerajaan Pakistan ini merupakan salah satu siri kerjasama di antara JPV dengan kerajaan Pakistan, diharap dapat meningkatkan pembangunan industri ternakan khususnya industri kerbau tenusu yang telah mula diterokai.
  
4. Hasil tinjauan dan perbincangan dua hala yang telah diadakan semasa lawatan kerja Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia ke Pakistan telah dapat merumus dan mengenal pasti 4 aspek jalinan kerjasama dan perdagangan yang wajar diberi perhatian dan diterokai Malaysia iaitu perolehan sumber genetik bagi program pembiakbakaan ternakan ruminan, sumber bekalan daging ruminan dan kerjasama teknikal pertanian khususnya dalam sektor ternakan.
  
5. Pakistan mempunyai kapasiti pengeluaran daging yang dianggarkan berjumlah melebihi 2 juta tan metrik setahun selain mempunyai populasi ternakan ruminan yang besar. Justeru, Malaysia dapat mengambil peluang mempelbagaikan sumber bekalan daging ruminan negara melalui pengimportan daging lembu dan kerbau dari Republik Islam Pakistan. Pengimportan ini diyakini dapat memberi alternatif kepada pengguna Malaysia untuk mendapatkan bekalan daging halal dan dapat mengukuhkan jaminan bekalan makanan negara secara berterusan.

6. Adalah penting bagi Malaysia mendapatkan sumber genetik ternakan ruminan dari negara luar seperti Pakistan bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran daging negara. Pakistan juga telah menawarkan kerjasama kepakarannya dalam sistem pengeluaran dan penyelidikan ternakan terutamanya dari aspek pembiakbakaan ternakan, pemakanan ternakan, penyelidikan dan teknologi pengeluaran vaksin ternakan serta amalan penternakan terbaik bagi baka kerbau tenusu dan lembu yang berasal dari Pakistan. Kredibiliti dan kepakaran yang dimiliki oleh Institusi dan Universiti di Pakistan wajar dimanfaatkan Malaysia melalui mekanisme program kerjasama teknikal, latihan sangkut kakitangan dan penyelidikan bersama institusi penyelidikan kedua-dua buah negara.

7. Industri tenusu di Malaysia yang terdiri daripada para penternak berskala kecil dan besar semakin berkembang dalam usaha meningkatkan pengeluaran susu negara melalui pelbagai program/projek yang telah dilaksanakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Pada tahun 2009, Malaysia telah menghasilkan sejumlah 62.03 juta liter susu. Walaubagaimanapun, Malaysia masih lagi perlu mengimport 4 juta liter susu bagi memenuhi keperluan dan permintaan industri pemprosesan susu. Secara tidak langsung, industri kerbau tenusu yang baru diterokai ini merupakan satu peluang baru yang boleh diterokai oleh para penternak dalam meningkatkan ekonomi di samping pendapatan negara.